A

FONG SENG FATT & SATU LAGI

lwn.

SYARIKAT CEKAL KASIH SDN BHD

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
LOW HOP BING HMR
SULAIMAN DAUD HMR
T SELVENTHIRANATHAN HMR
[RAYUAN SIVIL NO: C-02-1213-2008]

C

28 JULAI 2010

TORT: *Mendorong kemungkiran kontrak - Prinsip-prinsip terpakai - Elemen-elemen untuk dibuktikan - Sama ada defendan mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kontrak - Sama ada niat hendak melakukan kemungkiran kontrak dibuktikan - Sama ada defendan telah campurtangan dalam hubungan kontrak pihak-pihak*

D

Rayuan ini timbul akibat keputusan hakim bicara menolak tuntutan pihak plaintif terhadap tiga defendan. Fakta kes menunjukkan bahawa pihak plaintif dan defendan pertama telah bersama-sama berusaha untuk mendapatkan suatu kawasan pembalakan di Negeri Pahang. Permohonan telah dibuat atas nama defendan kedua yang pada masa material adalah ketua kampong merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong Lebu ('JKKK Kg Lebu'). Permohonan telah diluluskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang melalui satu surat kepada defendan kedua tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam surat tersebut. Satu syarat surat tersebut menetapkan bahawa hasil daripada kawasan pembalakan itu hendaklah diagih-agihkan kepada semua JKKK dalam Mukim Bentong yang akan diselaraskan oleh seorang Dato' Hj Saharuddin. Seterusnya, defendan kedua dan pertama menandatangani satu perjanjian di mana defendan kedua telah bersetuju melantik defendan pertama sebagai kontraktor bagi pengeluaran saki baki kayu balak dari kawasan tersebut. Defendan pertama pula, melalui perjanjian kedua, telah melantik pihak plaintif sebagai subkontraktor bagi kawasan tersebut. Di samping itu, defendan kedua menandatangani suatu perjanjian berasingan, perjanjian ketiga, dengan plaintif kedua untuk tujuan yang sama. Defendan kedua turut menawarkan kepada syarikat defendan ketiga untuk menjadi kontraktor bagi kawasan yang sama. Lantaran itu, pengarah urusan syarikat defendan ketiga telah membayar kepada

E

F

G

H

I

setiap 27 JKKK Bentong sejumlah wang yang ditetapkan oleh Dato' Saharuddin selaku penyelaras di bawah surat kelulusan tersebut. Walau apa pun, JKKK Kg Lebu melalui suatu surat yang ditandatangani oleh defendan kedua telah memaklumkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri bahawa pihaknya telah bersetuju untuk menyerahkan kerja-kerja pembalakan di kawasan tersebut kepada defendan pertama. Kemudiannya, suatu mesyuarat telah diadakan di Pejabat Perhutanan Negeri yang dipengerusikan oleh Dato' Saharuddin selaku penyelaras bagi membincangkan hal-hal yang berbangkit dengan kawasan tersebut. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh defendan kedua serta wakil-wakil defendan pertama dan defendan ketiga. Mesyuarat tersebut memutuskan supaya defendan ketiga menyerahkan balik kawasan tersebut kepada defendan pertama tertakluk kepada syarat bahawa defendan pertama hendaklah membayar kepada defendan ketiga dalam tempoh 14 hari wang sejumlah RM250,000 sebagai pampasan bagi wang yang telah dibelanjakan oleh defendan ketiga termasuk bayaran kepada 27 JKKK Bentong. Ianya mengikut bahawa defendan pertama gagal membuat bayaran tersebut dalam tempoh masa berkenaan. Berikutannya, JKKK Kg Lebu telah membatalkan perlantikan defendan pertama dan telah melantik defendan ketiga sebagai kontraktor bagi mengeluarkan kayu balak dari kawasan tersebut. Pejabat Perhutanan Negeri juga membatalkan lesen mengambil hasil hutan bagi kawasan tersebut kepada defendan kedua dengan menamakan defendan ketiga sebagai kontraktor. Susulan dari pembatalan tersebut, pihak plaintif memulakan tindakan ini terhadap ketiga-tiga defendan menuntut relif-relif yang berlainan terhadap setiap mereka. Pihak plaintif mendakwa bahawa defendan ketiga mengetahui tentang kewujudan perjanjian-perjanjian tersebut dan telah dengan cara cuai, abai dan tidak wajar campurtangan sehingga menyebabkan terma-terma dan syarat-syarat perjanjian-perjanjian itu tidak dapat dilaksanakan oleh pihak plaintif, disamping mendorong pihak-pihak memungkirinya. Defendan ketiga telah menafikan dakwaan tersebut. Hakim bicara telah menolak tuntutan pihak plaintif terhadap defendan ketiga bagi ganti rugi atas kausa tindakan mendorong kemungkiran kontrak. Maka rayuan pihak plaintif ini yang hanya melibatkan pihak plaintif dengan defendan ketiga (responden dalam rayuan ini). Pihak plaintif telah tidak meneruskan tuntutan terhadap defendan pertama, manakala defendan kedua pula tidak memasukkan kehadiran atau memfailkan pembelaan.

A B C D E F G H I

Diputuskan (menolak rayuan)
Oleh Sulaiman Daud HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Tort mendorong kemungkiran kontrak telah diasaskan dalam kes *Lumley v. Gye*. Tort ini melibatkan tiga pihak di mana pihak ketiga telah mendorong pihak-pihak yang berkontrak untuk memungkiri kontrak tersebut. Prinsip undang-undang yang diasaskan dalam kes tersebut telah diperluaskan skopnya dalam kes *D C Thomson & Co. Ld v. Deakin and Others*. Dengan kes terkemudian ini, penekanan telah diberikan kepada elemen niat (intention) bagi menggantikan ungkapan 'maliciously' yang digunakan dalam kes terdahulu itu. (perenggan 12 & 13)

(2) Di bawah tort ini, defendan ketiga akan hanya bertanggungan jika terbukti pihak-pihak yang berkontrak telah memungkiri kontrak mereka secara tidak sah. Prinsip ini telah dijelaskan dalam kes *OBG Ltd and Another v. Allan and Others*. (perenggan 14)

(3) Slade J dalam kes *Greig v. Insole* telah merumuskan lima elemen penting bagi tort ini yang telah diterimapakai oleh Wan Sulaiman FJ dalam kes *Loh Holdings Sdn Bhd v. Penglin Development Sdn Bhd & Anor*. Kelima-lima elemen tersebut yang perlu dibuktikan ialah: (1) terdapatnya campurtangan oleh defendan ketiga sama ada secara langsung atau secara tak langsung; (2) defendan ketiga mesti mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kontrak tersebut; (3) defendan ketiga mesti mempunyai niat untuk melakukan kemungkiran kontrak tersebut atau campurtangan di dalamnya; (4) campurtangan defendan ketiga telah menyebabkan pihak plaintif mengalami kerugian; dan (5) tiada justifikasi dalam tindakan defendan ketiga untuk bercampurtangan sedemikian. (perenggan 15)

(4) Keterangan tidak mencukupi untuk membuktikan pengetahuan defendan ketiga tentang kewujudan mana-mana perjanjian-perjanjian berkenaan. Tiada juga apa-apa keterangan menunjukkan bahawa defendan ketiga mempunyai urusan lain dengan pihak plaintif yang boleh menimbulkan inferens mengenai pengetahuan mereka tentang kewujudan perjanjian-perjanjian tersebut. (perenggan 20)

(5) Seseorang tidak boleh dikatakan mempunyai niat hendak mendorong kemungkiran sesuatu kontrak melainkan jika dia mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kontrak yang dimaksudkan. Maka, tiada sebab bagi mahkamah campurtangan dalam dapatan hakim bicara mengenai isu ini. Memandangkan bahawa tort ini berteraskan kepada elemen 'niat', maka rayuan pihak plaintif boleh ditolak atas alasan itu sahaja. (perenggan 21)

(6) Pihak plaintif gagal memberikan keterangan yang boleh dipercayai bagi membuktikan dakwaan mereka bahawa wakil-wakil defendan ketiga telah sebenarnya mempengaruhi Dato' Saharuddin. Kedua-dua Dato' Saharuddin dan Pengarah Perhutanan Negeri tidak dipanggil bagi menyokong kes mereka. (perenggan 22)

(7) Keperluan untuk mengagih-agihkan hasil dari kawasan tersebut kepada 27 JKKK Bentong bukanlah satu syarat baru yang telah diada-adakan oleh Dato' Saharuddin atas pengaruh defendan ketiga. Syarat surat kelulusan tersebut adalah di antara beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri yang telah secara khusus menamakan Dato' Saharuddin sebagai penyelaras bagi agihan hasil pembalakan dari kawasan itu. Oleh itu, mesyuarat yang telah diadakan di antara pihak-pihak berkenaan adalah selaras dan menurut kehendak surat kelulusan tersebut. Adalah tidak dipertikaian terdapat tuntutan bertindih di antara defendan pertama dan defendan ketiga untuk mengeluarkan kayu balak dari kawasan tersebut. Kedua-dua mereka menyatakan telah ditawarkan sebagai kontraktor bagi maksud itu. Malahan defendan ketiga telahpun membuat pembayaran kepada 27 JKKK Bentong sebagaimana yang disyaratkan. Dengan yang demikian, tiada asas dalam penegasan pihak plaintif mengenai campurtangan defendan ketiga dalam perjanjian-perjanjian tersebut. (perenggan 23)

(8) Defendan ketiga adalah pesaing kepada defendan pertama untuk dilantik sebagai kontraktor bagi kawasan tersebut. Apa-apa tindakan atau langkah yang mereka ambil adalah bertujuan untuk bersaing mendapatkan kawasan itu setelah mereka mematuhi syarat yang ditetapkan. (perenggan 28)

(9) Tindakan defendan kedua menamatkan perjanjiannya dengan defendan pertama tidak disebabkan oleh campurtangan atau dorongan defendan ketiga tetapi sebaliknya disebabkan oleh kegagalan defendan pertama memenuhi syarat yang telah diputuskan dalam mesyuarat berkenaan. Kesan daripada penamatan itulah yang menyebabkan perjanjian-perjanjian berkenaan tidak dapat diteruskan. Tiada keperluan untuk meneruskan dengan elemen keempat dan kelima tort ini setelah pihak plaintif didapati gagal membuktikan tiga elemen pertamanya. Kesimpulannya, hakim bicara telah tidak tersalah arah atau tersilap di sisi fakta dan undang-undang dalam menolak tuntutan pihak plaintif terhadap defendan ketiga. (perenggan 23 & 24)

English *Translation Of Headnotes*

This appeal arose as a result of the decision of the trial judge dismissing the plaintiffs' claim against three defendants. The facts showed that the plaintiffs and the first defendant had been courting for timber concessions in the State of Pahang. The application for the concession was made in the name of the second defendant, the village head and chairman of the Village Development and Security Committee of Kampong Lebu ('JKKK Kg Lebu') in Bentong, Pahang. The application was approved by the Department of Forestry, State of Pahang *via* a letter, subject to the terms and conditions spelt out therein. A condition stipulated that the proceeds of the concession must be distributed among all JKKKs in the Mukim of Bentong, to be co-ordinated by one Dato' Hj Saharuddin. Subsequently, the second and first defendants executed an agreement wherein the second defendant appointed the first defendant as the contractor to extract timber produce from the concession. And following that, by a separate agreement, the first defendant appointed the plaintiffs as its sub-contractor for the extraction work. In the meanwhile, the second defendant, by another agreement with the second plaintiff, appointed the latter as his sub-contractor for extraction work in the concession. The second defendant too, later made an offer to the third defendant company to be the contractor for the same work, with the result that, the Managing Director of the third defendant company, in compliance with Dato' Shaharuddin's request, made payments to all the 27 JKKKs in the Mukim of Bentong. Be that as it may, the JKKK Kg Lebu, *vide* a letter signed by the second defendant, informed

the Director of Forestry, State of Pahang, that the JKKK had agreed to assign timber extraction work to the first defendant. Subsequent thereto, a meeting to discuss matters pertaining to the concession chaired by Dato' Saharuddin was convened at the office of the State Forestry Department. The meeting was *inter alia* attended by the second defendant and representatives of the first and third defendants. At the meeting, it was decided that the third defendant should return the concession to the first defendant subject to the first defendant paying the third defendant RM250,000 within 14 days thereof, as reimbursement for monies expended by the third defendant, including monies paid by them to the 27 Bentong JKKKs. The first defendant, however, failed to remit the payment within the stipulated time. In consequence, the JKKK Kg Lebu revoked the first defendant's appointment as its contractor to extract timber from the concession. Thereafter, the State Forestry Department revoked the second defendant's licence to extract timber from the concession and named the third defendant as the contractor. Following the revocation, the plaintiffs initiated an action against the three defendants, claiming separate reliefs against each of them. The plaintiffs contended that the third defendant had knowledge of the agreements in question, and had negligently and maliciously interfered with same, thereby rendering the terms and conditions of the agreements not amenable to compliance by the plaintiffs, and inducing the parties to renege on same. The allegations were denied by the third defendant. The trial judge had dismissed the plaintiffs' claim for damages for inducing breach of contract against the third defendant. In the circumstances, the plaintiffs' appeal herein concerned only the third defendant (the respondent in this appeal). The plaintiffs had discontinued with their claim against the first defendant, while the second defendant had not entered appearance or filed any defence.

A B C D E F G

Held (dismissing the appeal)
Per Sulaiman Daud JCA delivering the judgment of the court:

(1) The tort of inducing breach of contract was based on the case of *Lumley v. Gye*. The tort is tripartite in nature whereof the third party had induced the contracting parties to renege on the contract. The scope of the principle of law established in this case had been widened by *D C Thomson & Co. Ld v. Deakin and Others*. By the latter case, focus was lent on the element of intention as against the phrase 'maliciously' used in the former case.

H I

(2) Under this tort, the third defendant would only be liable if the contracting parties were proven to have unlawfully breached the contract. This principle was made clear in *OBG Ltd and Another v. Allan and Others.*

(3) Slade J in *Greig v. Insole* formulated five principal elements for this tort which Wan Sulaiman FJ had applied in the case of *Loh Holdings Sdn Bhd v. Penglin Development Sdn Bhd & Anor.* The five elements were: (1) there was interference by the third defendant, directly or indirectly; (2) third defendant must have knowledge of the contract; (3) third defendant must have intention to commit breach of contract or to interfere therewith; (4) third defendant's interference had caused losses to the plaintiffs; and (5) there was no justification for the third defendant to interfere the way it did.

(4) There was insufficient evidence to attribute knowledge on the part of the third defendant on the existence of any of the agreements. There was also no evidence to show that the third defendant was in any way related to the plaintiffs as to give rise to an inference about their knowledge of the agreements.

(5) One cannot be said to have the intention of inducing breach of contract unless one has knowledge of the contract in question. Hence, there was no reason for the court to intervene in the finding of the trial judge on that issue. Considering that the tort was premised on the element 'intention', the plaintiffs' appeal could be dismissed merely upon that ground.

(6) The plaintiffs failed to adduce cogent evidence to prove their allegation that the third defendant's representatives had in fact swayed Dato' Saharuddin. Both Dato' Saharuddin and the State Forestry Director had not been called to give evidence in support of the plaintiffs' case.

(7) The need to distribute the proceeds from the timber concession to the 27 JKKK Bentong was not a new requirement created by Dato' Saharuddin at the behest of the third defendant. The requirement, made conditional by the approval letter, was among a number of conditions stipulated by the State Forestry Director, who had also specifically named Dato' Saharuddin as the co-ordinator for the purpose of distributing the proceeds from the concession area. In the event, the meeting as was held by the parties was consonant with the requirements of the

approval letter. It was not disputed that there were overlapping claims to extract timber from the concession made by the first and third defendants. Both averred as being offered to be the contractor for the purpose. The third defendant, however, had already made payments to the 27 Bentong JKKKs as required. In the circumstances, there was no merit in the plaintiffs' allegation on the third defendant's interference with the agreements.

(8) The third defendant was the first defendant's competitor for the appointment of contractor to the concession area. Whatever was the action or step that they had taken, was meant to compete for the concession area, after due compliance of the stipulated terms and conditions.

(9) The second defendant's action in revoking his agreement with the first defendant was not attributed to the third defendant's interference or inducement, but was caused rather by the first defendant's failure to fulfil the condition set at the said meeting. It was the effect flowing from the revocation that rendered the agreements untenable. The plaintiffs, having failed to prove the first three elements for the tort, there was no need to proceed with the fourth and fifth elements. In the upshot, the trial judge had not misdirected himself on the facts and in law in dismissing the plaintiffs' claim against the three defendants.

Kes-kes yang dirujuk:

DC Thomson & Co Ld v. Deakin and Others [1952] Ch 646 ***(dirujuk)***
Emerald Construction Co Ltd v. Lowthian [1966] 1 All ER 1013 ***(dirujuk)***
Goh Leng Sai v. Regina [1958] 1 LNS 24 HC ***(dirujuk)***
Greig v. Insole [1978] 1 WLR 302 ***(dirujuk)***
Loh Holdings Sdn Bhd v. Penglin Development Sdn Bhd & Anor [1984] 2 CLJ 88; [1984] 1 CLJ (Rep) 211 FC ***(dirujuk)***
Lumley v. Gye 118 ER 749 ***(dirujuk)***
OBG Ltd and Another v. Allan and Others [2007] 4 All ER 545 ***(dirujuk)***
Transwater Tenaga Sdn Bhd v. APS Technologies Sdn Bhd & Anor [2007] 1 CLJ 159 CA ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu - Kaharuddin Harun; T/n Kahar & Co
Bagi pihak responden - Nur Rafidah Abd Aziz; T/n Jacob, Goldie SS Chew

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuantan; Guaman Sivil No: 22-17-2004]

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

A

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud HMR:

[1] Ini adalah rayuan plaintif-plaintif terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi ("hakim bicara") yang bijaksana yang telah menolak tuntutan mereka terhadap defendan ketiga (responden dalam rayuan ini) bagi ganti rugi atas kausa tindakan mendorong kemungkiran kontrak (inducing breach of contract). Di akhir pendengaran, kami telah menolak rayuan ini dengan kos. Kini disampaikan alasan bagi keputusan kami itu.

[2] Kami akan merujuk kepada pihak-pihak mengikut rujukan yang sama dengan rujukan di mahkamah bicara. Perlu juga dijelaskan bahawa rayuan ini hanya melibatkan plaintif dengan defendan ketiga sahaja. Plaintif telah tidak meneruskan tuntutannya terhadap defendan pertama, manakala defendan kedua pula tidak memasukkan kehadiran atau memfailkan pembelaan.

Latar Belakang

[3] Keterangan yang dikemukakan setakat yang relevan dengan rayuan ini bolehlah diringkaskan seperti berikut. Pada awal tahun 2002 kedua-dua plaintif dan defendan pertama telah sama-sama berusaha untuk mendapatkan kawasan pembalakan di Negeri Pahang. Di antara kawasan yang dipohon adalah 'kawasan cadangan projek berkelompok Sungai Merpun, Mukim Bentong' ("kawasan tersebut"). Permohonan telah dibuat atas nama defendan kedua yang pada masa material adalah ketua kampong merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampong Lebu ("JKKK Kg. Lebu").

[4] Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, melalui surat bertarikh 25 Februari 2003, telah meluluskan kawasan tersebut kepada defendan kedua tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalamnya. Perenggan 2(m) surat kelulusan itu menetapkan bahawa "hasil daripada kawasan pembalakan itu hendaklah diagih-agihkan kepada semua JKKK dalam Mukim Bentong ("JKKK Bentong") yang akan diselaraskan oleh YB Dato' Hj Saharuddin bin Ab. Moin."

[5] Berikutan kelulusan itu, defendan kedua dan defendan pertama telah mengadakan suatu perjanjian bertarikh 3 Mac 2003 ("perjanjian pertama") di mana defendan kedua telah bersetuju melantik defendan pertama sebagai kontraktor bagi pengeluaran 'saki

baki kayu balak' dari kawasan tersebut. Seterusnya, defendan pertama, melalui perjanjian bertarikh 5 Mac 2003, telah melantik kedua-dua plaintif sebagai subkontraktor bagi kawasan tersebut ("perjanjian kedua"). Di samping itu, defendan kedua turut mengadakan suatu perjanjian berasingan dengan plaintif kedua untuk tujuan yang sama ("perjanjian ketiga"). Ketiga-tiga perjanjian ini (secara kolektif disebut "perjanjian-perjanjian tersebut") adalah kontrak yang dimaksudkan dalam tindakan ini.

[6] Syarikat defendan ketiga turut ditawarkan oleh defendan kedua untuk menjadi kontraktor bagi kawasan yang sama. Menurut SD1, pengarah urusan syarikat, berikutan tawaran itu defendan ketiga telah membayar kepada setiap 27 JKKK Bentong sejumlah wang yang ditetapkan oleh Dato' Saharuddin selaku penyelaras di bawah surat kelulusan tersebut. Walau apa pun, JKKK Kg. Lebu, melalui surat bertarikh 21 Mei 2003 yang ditandatangani oleh defendan kedua, telah memaklumkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri bahawa pihaknya telah bersetuju untuk menyerahkan kerja-kerja pembalakan di kawasan tersebut kepada defendan pertama.

[7] Pada bulan Julai 2003 suatu mesyuarat telah diadakan di Pejabat Perhutanan Negeri bagi membincangkan hal-hal yang berbangkit berkaitan dengan kawasan tersebut. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Dato' Saharuddin selaku penyelaras, dan turut dihadiri oleh Pengarah Perhutanan Negeri, defendan kedua serta wakil-wakil defendan pertama (SP3) dan defendan ketiga (SD1 dan SD2). Dalam mesyuarat itu suatu keputusan telah dibuat supaya defendan ketiga menyerahkan balik kawasan tersebut kepada defendan pertama tertakluk kepada syarat bahawa defendan pertama hendaklah membayar kepada defendan ketiga, dalam tempoh 14 hari, wang sejumlah RM250,000 sebagai pampasan bagi wang yang telah dibelanjakan oleh defendan ketiga, termasuk bayaran kepada 27 JKKK Bentong.

[8] Bagaimanapun defendan pertama telah gagal membuat bayaran tersebut dalam tempoh 14 hari yang ditetapkan. Berikutannya, JKKK Kg. Lebu telah membatalkan perlantikan defendan pertama, dan telah melantik defendan ketiga, sebagai kontraktor bagi mengeluarkan kayu balak dari kawasan tersebut. Seterusnya Pejabat Perhutanan Negeri telah mengeluarkan 'lesen mengambil hasil hutan' bagi kawasan tersebut kepada defendan kedua dengan menamakan defendan ketiga sebagai kontraktor.

[9] Susulan dari pembatalan tersebut, plaintif telah memulakan tindakan ini terhadap ketiga-tiga defendan menuntut relif-relif yang berlainan terhadap setiap mereka. Alasan tindakan plaintif terhadap defendan ketiga diplidkan dalam perenggan 23 hingga 25 pernyataan tuntutan. Secara ringkasnya mereka menegaskan bahawa defendan ketiga yang mengetahui tentang kewujudan perjanjian-perjanjian tersebut, telah dengan cara cuai, abai dan tidak wajar campur tangan sehingga menyebabkan terma-terma dan syarat-syarat perjanjian-perjanjian itu tidak dapat dilaksanakan oleh plaintif, disamping mendorong pihak-pihak memungkirinya.

[10] Defendan ketiga dalam pembelaannya telah menafikan mempunyai apa-apa pengetahuan tentang kewujudan perjanjian-perjanjian tersebut, atau telah campur tangan dalam hubungan pihak-pihak kepada perjanjian-perjanjian itu, atau selainnya telah mendorong mereka untuk melakukan kemungkiran terma-terma perjanjian-perjanjian tersebut.

[11] Berdasarkan kepada penghujahan pihak-pihak, kami mendapati isu tunggal yang perlu diputuskan dalam rayuan ini ialah sama ada defendan ketiga telah campur tangan dalam hubungan kontrak pihak-pihak dalam mana-mana perjanjian tersebut hingga menyebabkannya tidak dapat dilaksanakan, atau selainnya telah mendorong pihak-pihak yang berkenaan untuk memungkiri terma-terma perjanjian masing-masing. Sebelum menimbangkan isu ini, kami mendapati bermanfaat untuk memperkatakan secara ringkas mengenai prinsip undang-undang berhubungan dengan tort ini, khususnya elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak plaintif untuk berjaya dalam tuntutannya.

[12] Liabiliti kerana mendorong kemungkiran kontrak telah diasaskan dalam kes *Lumley v. Gye* 118 ER 749. Pada asasnya tort ini melibatkan tiga pihak di mana pihak ketiga telah mendorong pihak-pihak yang berkontrak untuk memungkiri kontrak tersebut. Dalam kes itu seorang penyanyi opera Miss Wagner telah mengadakan kontrak dengan plaintif untuk membuat persembahan di sebuah teater tetapi telah didorong oleh defendan, tuan punya teater tersebut, untuk memungkiri kontraknya. Mahkamah mendapati defendan bertanggungan di bawah tort ini.

[13] Prinsip undang-undang yang diasaskan dalam *Lumley v. Gye, supra*, telah diperluaskan skopnya dalam kes *D.C.Thomson & Co. Ld. v. Deakin and Others* [1952] Ch 646, di mana Morris LJ berkata, di ms 702:

> ... The tort is committed if a person without justification knowingly and intentionally interferes with a contract between two other persons. There must, therefore, be knowledge of the existence of contractual relations between others and the intentional commission, without justification, of some act which interferes with those contractual relations so as to bring about or procure or induce a breach resulting in damage. …

Jika diperhatikan dalam kes ini penekanan telah diberikan kepada elemen niat (intention) bagi menggantikan ungkapan 'maliciously' yang digunakan dalam kes *Lumley v. Gye, supra.*

[14] Di bawah tort ini defendan akan hanya bertanggungan jika terbukti pihak-pihak yang berkontrak telah memungkiri kontrak mereka secara tidak sah. Prinsip ini telah dijelaskan oleh Lord Hoffman dalam kes *OBG Ltd and Another v. Allan and Others* [2007] 4 All ER 545 di mana beliau berkata, di ms 557:

> The forms of action no longer trouble us. But the important point to bear in mind about *Lumley v. Gye* is that the person procuring the breach of contract was held liable as accessory to the liability of the contracting party. Liability depended upon the contracting party having committed an actionable wrong. Wightman J made it clear when he said (1853) 2 E & B 216 at 238, 118 ER 749 at 757): 'It was undoubtedly *prima facie* an unlawful act on the part of Miss Wagner to break her contract, and therefore tortious act of the defendant maliciously to procure her to do so …'

[15] Dalam *Greig v. Insole* [1978] 1 WLR 302 Slade J (beliau pada masa itu) telah merumuskan lima elemen penting bagi tort ini yang telah diterimapakai oleh Wan Sulaiman FJ ketika menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam *Loh Holdings Sdn Bhd v. Penglin Development Sdn Bhd & Anor* [1984] 2 CLJ 88; [1984] 1 CLJ (Rep) 211. Kelima-lima elemen tersebut yang perlu dibuktikan untuk berjaya dalam tort ini bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) terdapatnya campur tangan oleh defendan, sama ada secara langsung atau secara tak langsung (jika disertai dengan cara yang menyalahi undang-undang);

(b) defendan mestilah mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kontrak tersebut;

(c) defendan mestilah mempunyai niat untuk melakukan kemungkiran kontrak tersebut atau campur tangan di dalamnya;

(d) campur tangan defendan itu telah menyebabkan plaintif mengalami kerugian; dan

(e) tiada justifikasi dalam tindakan defendan untuk campur tangan sedemikian.

(lihat juga keputusan mahkamah ini dalam *Transwater Tenaga Sdn Bhd v. APS Technologies Sdn Bhd & Anor* [2007] 1 CLJ 159).

[16] Hakim bicara, dengan bersandarkan kepada kes *Loh Holding, supra*, telah mendapati pihak plaintif gagal membuktikan, atas imbangan kebarangkalian, kesemua atau mana-mana elemen yang digariskan dalam kes tersebut. Mengenai elemen pertama, hakim bicara mendapati tiada keterangan yang boleh dipercayai dikemukakan bagi menunjukkan campur tangan defendan ketiga dalam perjanjian- perjanjian tersebut. Mengenai elemen kedua dan ketiga, beliau mendapati kegagalan pihak plaintif memanggil defendan pertama, yang dikatakan telah memainkan peranan penting dalam pemerolehan kawasan tersebut dan menjadi pihak kepada perjanjian pertama dan kedua, telah mewujudkan suatu lompang dalam kes plaintif bagi pembuktian elemen-elemen tersebut. Hakim bicara turut mendapati elemen keempat juga tidak terbukti atas kegagalan memanggil defendan pertama bagi membuktikan kesahihan baucer-baucer bagi bayaran yang dikatakan telah dibuat olehnya. Begitu juga beliau mendapati kegagalan memanggil defendan kedua turut melemahkan kes plaintif, khususnya yang berkaitan dengan perjanjian ketiga.

[17] En. Kaharuddin, bagi pihak plaintif, menghujahkan hakim bicara telah tersilap dari segi fakta dan undang-undang dalam mencapai keputusan yang dibuatnya. Berkenaan dengan elemen pertama, peguam terpelajar itu menegaskan terdapat pengakuan oleh SD1, pengarah urusan defendan ketiga, mengenai mesyuarat yang dihadirinya di Pejabat Perhutanan di mana pengerusi mesyuarat Dato' Saharuddin telah mengenakan syarat tambahan menghendaki defendan pertama membayar kepada defendan ketiga wang sejumlah RM250,000 sebagai ganti rugi bagi bayaran yang telah dibuat oleh defendan ketiga kepada JKKK Bentong sebelumnya berkaitan dengan kawasan tersebut. Beliau menjelaskan tiada syarat sedemikian dikenakan dalam surat kelulusan asal (D17); dan dengan yang demikian, beliau menghujahkan, pengenaan syarat tersebut adalah disebabkan campur tangan SD1 dan SD2 yang telah mempengaruhi

Dato' Saharuddin yang merupakan kenalan peribadi mereka. Selanjutnya, peguam terpelajar itu menghujahkan tindakan defendan ketiga membuat bayaran kepada JKKK Bentong sebelumnya, dan mengadakan perjanjian dengan defendan kedua semasa perjanjian-perjanjian tersebut masih berkuatkuasa adalah suatu tindakan yang menyalahi undang-undang dan merupakan suatu campur tangan dalam hubungan kontrak pihak-pihak kepada perjanjian-perjanjian tersebut.

[18] Berkenaan dengan elemen kedua, iaitu pengetahuan tentang kewujudan perjanjian-perjanjian tersebut, peguam terpelajar telah merujuk kepada kes *Greig v. Insole, supra*, di mana telah diputuskan adalah mencukupi bagi pembuktian elemen ini jika defendan 'had the means of knowledge – which they deliberately disregarded.' Tiada keperluan untuk mengetahui terma-terma sebenar kontrak tersebut. Rujukan juga telah dibuat kepada kes *Goh Leng Sai v. Regina* [1958] 1 LNS 24 di mana telah diputuskan bahawa kewujudan sesuatu kontrak boleh dibuktikan melalui keterangan lisan. Beliau menghujahkan, dalam kes sekarang terdapat keterangan lisan yang diberikan oleh plaintif mengenai kewujudan perjanjian-perjanjian tersebut. Beliau menambah, defendan ketiga sepatutnya mengetahui melalui pekerja-pekerjanya yang menjalankan kerja ukur di kawasan itu tentang hubungan kontrak di antara pihak-pihak di bawah perjanjian-perjanjian tersebut kerana menurutnya pekerja-pekerja dari kedua-dua belah pihak pernah bertembung di kawasan itu semasa menjalankan kerja ukur.

[19] Berdasarkan kepada penghujahan pihak-pihak, kami mendapati sesuai untuk memulakan dengan elemen kedua dan ketiga, iaitu mengenai 'pengetahuan' dan 'niat' yang membentuk elemen mental bagi tort ini. Berkenaan dengan tahap pengetahuan yang perlu dibuktikan, Evershed MR dalam kes *D.C. Thomson, supra*, berkata di ms 687 "common knowledge about the way business is conducted is sufficient". Dalam kes *Emerald Construction Co Ltd v. Lowthian* [1966] 1 All ER 1013, Lord Denning dalam membincangkan isu yang sama berkata, di ms 1017:

> Even if they did not know of the actual terms of the contract, but had the means of knowledge which they deliberately disregarded-that would be enough. Like the man who turns a blind eye …

[20] Berbalik kepada fakta kes sekarang ini. Kedua-dua plaintif telah memberi keterangan tentang kewujudan perjanjian- perjanjian tersebut. Pada pendapat kami, jika pun keterangan lisan mereka mencukupi bagi membuktikan kewujudan perjanjian-perjanjian tersebut, tetapi ia tidak sedikitpun menunjukkan pengetahuan defendan ketiga mengenainya. Bagi membuktikan elemen kedua ini, peguam terpelajar plaintif telah bergantung kepada 'pernyataan saksi' kedua-dua plaintif di mana mereka menyatakan: "masa saya dan orang saya potong sempadan saya juga hairan kenapa kepala def-3 ada ikut potong sempadan". Kami mendapati keterangan ini sahaja tidaklah mencukupi untuk membuktikan pengetahuan defendan ketiga tentang kewujudan mana-mana perjanjian tersebut. Bagi perjanjian kedua dan ketiga tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan bahawa defendan ketiga mempunyai urusan perniagaan atau apa-apa urusan lain dengan plaintif yang boleh menimbulkan inferens mengenai pengetahuan mereka tentang kewujudan kedua-dua perjanjian itu. Bagi perjanjian pertama pula, jika diimbas kembali defendan kedua turut menawarkan kawasan tersebut kepada defendan ketiga seawal bulan Mac 2003. Daripada resit-resit bayaran eks. D16, mereka juga telah menjelaskan kepada 27 JKKK Bentong bayaran yang disyaratkan oleh Dato' Saharuddin bagi perlantikan mereka sebagai kontraktor bagi pengeluaran kayu balak dari kawasan itu. Pada hemat kami, tindakan defendan ketiga menjelaskan bayaran kepada 27 JKKK tersebut jelas menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang kewujudan perjanjian pertama tersebut ketika itu. Adalah tidak semunasabahnya mungkin bagi defendan ketiga membelanjakan jumlah wang yang besar jika dia mengetahui tentang kewujudan perjanjian pertama tersebut. Oleh itu kami mendapati tiada apa-apa kecacatan dalam dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara mengenai elemen ini.

[21] Kami teruskan dengan elemen ketiga mengenai 'niat hendak melakukan kemungkiran kontrak'. Pada pendapat kami pembuktian elemen ketiga ini akan bergantung kepada pembuktian elemen kedua tentang pengetahuan mengenai kewujudan kontrak tersebut kerana jelas bahawa kedua-dua elemen ini saling berkaitan. Seseorang tidak boleh dikatakan mempunyai niat hendak mendorong kemungkiran sesuatu kontrak melainkan jika dia mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kontrak yang dimaksudkan. Dengan yang demikian, tiada sebab bagi kami untuk campur tangan dalam dapatan hakim bicara mengenai isu ini. Memandangkan bahawa tort ini berteraskan kepada elemen 'niat', maka kami mendapati rayuan plaintif boleh di tolak atas alasan ini sahaja.

[22] Walau apa pun, bagi melengkapi penghakiman ini kami akan berbalik kepada elemen pertama, iaitu sama ada defendan ketiga telah campur tangan dalam hubungan kontrak pihak-pihak. Sebagaimana yang dapat dirumuskan daripada penghujahan peguam plaintif di atas, dalam isu ini beliau telah mengasaskan kesnya kepada mesyuarat pada Julai 2003 dan bayaran kepada 27 JKKK tersebut semasa perjanjian-perjanjian tersebut masih berkuatkuasa. Dalam hal ini, kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa pihak plaintif juga telah gagal memberikan keterangan yang boleh dipercayai bagi membuktikan dakwaan mereka bahawa wakil-wakil defendan ketiga telah sebenarnya mempengaruhi Dato' Saharuddin. Kedua-dua Dato' Saharuddin dan Pengarah Perhutanan Negeri tidak dipanggil bagi menyokong kes mereka. Begitu juga tiada sebab bagi kami untuk campur tangan dalam keputusan hakim bicara menolak keterangan SP3 tentang apa yang berlaku di mesyuarat tersebut atas alasan-alasan yang diberikan oleh beliau.

[23] Kami ingin menambah, keperluan untuk mengagih-agihkan hasil dari kawasan tersebut kepada 27 JKKK Bentong bukanlah suatu syarat baru yang telah diada-adakan oleh Dato' Saharuddin atas pengaruh defendan ketiga sebagaimana yang telah dihujahkan. Syarat di bawah perenggan 2(m) surat kelulusan tersebut adalah di antara beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri yang telah secara khusus menamakan Dato' Saharuddin sebagai penyelaras bagi agihan hasil pembalakan dari kawasan itu. Oleh itu kami mendapati mesyuarat yang diadakan pada Julai 2003 itu adalah selaras dan menurut kehendak surat kelulusan tersebut. Adalah tidak dipertikaikan terdapat tuntutan bertindih di antara defendan pertama dan defendan ketiga untuk mengeluarkan kayu balak dari kawasan tersebut. Kedua-dua mereka menyatakan telah ditawarkan sebagai kontraktor bagi maksud itu. Malahan defendan ketiga telahpun membuat pembayaran kepada 27 JKKK Bentong sebagaimana yang disyaratkan. Dengan yang demikian, kami mendapati tiada asas dalam penegasan plaintif mengenai campur tangan defendan ketiga dalam perjanjian-perjanjian tersebut. Pada hemat kami defendan ketiga adalah pesaing kepada defendan pertama untuk dilantik sebagai kontraktor bagi kawasan tersebut. Apa-apa tindakan atau langkah yang mereka ambil adalah bertujuan untuk bersaing mendapatkan kawasan itu setelah mereka mematuhi syarat yang ditetapkan. Jika pun jumlah bayaran yang dikenakan oleh Dato' Saharuddin kepada defendan pertama melebihi jumlah sebenar yang telah dibayar oleh defendan ketiga kepada 27

JKKK tersebut, tiada keterangan dikemukakan bagi menunjukkan penglibatan defendan ketiga dalam penentuan jumlah tersebut. Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang ada, kami mendapati tindakan defendan kedua menamatkan perjanjiannya dengan defendan pertama (iaitu perjanjian pertama) tidaklah disebabkan oleh campur tangan atau dorongan defendan ketiga tetapi sebaliknya disebabkan oleh kegagalan defendan pertama memenuhi syarat yang telah diputuskan dalam mesyuarat pada 30 Julai tersebut. Kesan daripada penamatan itulah yang menyebabkan perjanjian kedua dan ketiga tersebut tidak dapat di teruskan. Setelah mendapati plaintif gagal membuktikan tiga elemen pertama tersebut di atas, tiada keperluan bagi kami untuk meneruskan dengan elemen keempat dan kelima.

[24] Kesimpulannya, atas alasan-alasan tersebut di atas, kami mendapati hakim bicara telah tidak tersalah arah atau tersilap di sisi fakta dan undang-undang dalam menolak tuntutan plaintif terhadap defendan ketiga. Lantaran itu, rayuan ini telah ditolak dengan kos. Keputusan Mahkamah Tinggi dikekalkan, dan deposit dibayar kepada responden sebagai sebahagian daripada kos.